

MAHATHIR-ISLAM 'ا'ا'ا'

1981

BANGI, 10 MAC (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGESYOR DITUBUHKAN BADAN PERUNDING BAGI MENAPIS DAN MENIMBANG NILAI-NILAI ISLAM YANG PATUT DIJADIKAN PEGANGAN BAGI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

BADAN ITU PATUT DIANGGOTAI OLEH PARA PEGAWAI KERAJAAN, SARJANA DAN GOLONGAN IKTASAS ISLAM UNTUK MEMBERI 'PENDAPAT PERTAMA' DAN 'PENDAPAT KEDUA', KATANYA.

MEREKA ITU JUGA HARUS MEMBUAT PENYESUAIAN-PENYESUAIAN TERHADAP BENTUK-BENTUK TEKNOLOGI YANG SEHINGGA INI MASIH DIIMPORT DARI BARAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESYORKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN MENGENAI KONSEP PEMBANGUNAN DALAM ISLAM DI DEWAN TUN ABDUL RAZAK, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI SINI.

80

BELIAU MAHUKAN PARA ANGGOTA BADAN PERUNDING ITU 'MEWARNAKAN HARI TECHNOLOGY DAN SOFT TECHNOLOGY YANG DIPERLUKAN MENGIKUT WARNA-WARNA ISLAM'. — BERSAMBUNG 1022/ZCM

B513:

MAHATHIR-ISLAM 2 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN JIKA SYOR-SYOR UNTUK MENGUBAHSUAIKAN STRUKTUR PEMBANGUNAN SECARA ISLAM HENDAK DIUJI, SISTEM MENGESAN PROJEK SOSIO-EKONOMI ISLAM PERLU DIBERI PERHATIAN.

SELAIN DARI ITU, PENOLAIAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN PATUT MERANGKUMI CIRI-CIRI SERTA LUNAS-LUNAS PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN ISLAM, KATANYA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA PERSAINGAN ANTARA ISLAM DENGAN PEMBANGUNAN TIMBUL KERANA SESUATU PROGRAM ITU DINILAI SECARA BERASINGAN.

GOLONGAN PROFESYENAL PERANCANG PEMBANGUNAN EKONOMI MENILAINYA DARI SEGI EFISYENSI DAN FAEDAH MATERIAL SESUATU PROJEK MANAKALA GOLONGAN TOKOH AGAMA PULA BERASASKAN AMALAN DAN IBADAH DALAM ISLAM, KATA BELIAU.

INI MENYEBABKAN SESUATU PROJEK ITU TIDAK DITERIMA SEPENUHNYA. UNTUK MENGATASI MASALAH INI, BELIAU MAHUKAN NILAI-NILAI ISLAM DIRESAPKAN DALAM PERANCANGAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN SUPAYA MASYARAKAT ISLAM TIDAK LAGI WAS-WAS UNTUK MENYOKONGNYA.

— BERSAMBUNG 1025/ZCM

B514:
MAHATHIR-ISLAM 3 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DALAM PADA ISLAM MENGGALAKKAN UMATNYA BERSIKAP SEDERHANA DALAM HIDUP, KESEDERHANAAN BUKANLAH MENJADI PRISIP PANDUAN DALAM USAHA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BIDANG PELAJARAN, BERCUCUK TANAM DAN PERNIAGAAN.

SEBALIKNYA, UMAT ISLAM DIKEHENDAKI BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MENCAPAI KEJAYAAN TERTINGGI MENGIKUT CARA-CARA YANG DIREDHAI OLEH ALLAH, KATANYA.

BELIAU KHUATIR TANGGAPAN-TANGGAPAN OLEH SETENGAH GOLONGAN KONONNYA PEMBANGUNAN YANG DIBAWA OLEH KERAJAAN HANYA MERUNTUHKAN NILAI-NILAI ISLAM MERUPAKAN PERANGKAP YANG BAHAYA.

IA MEWUJUDKAN SESUATU KEADAAN "BANTUT TINDAKAN" (NON-ACTION) AKIBAT UMAT ISLAM MENOLAK PENGLIBATAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN TIDAK MENJADI FAKTOR NEGATIF TERHADAP USAHA PEMBANGUNAN, APA YANG PENTING IALAH SIKAP DAN JIWA ANGGOTA MASYARAKAT. — BERSAMBUNG 1032/ZCM

B515:
MAHATHIR-ISLAM 4 BANGI

BELIAU YAKIN JIKA RAKYAT MALAYSIA YANG BERAGAMA ISLAM MENUNJUKKAN KEAZAMAN DAN MENGAMALKAN DISIPLIN DIRI, KEMUNGKINAN PEREKA MENYERTAI DAN MENDAPAT FAEDAH DARI PROSES PEMBANGUNAN ADALAH LEBIH TERJAMIN.

KATANYA, SEBAGAIMANA ISLAM MELIPUTI KESELURUHAN CARA HIDUP BEGITU JUGA PEMBANGUNAN OLEH KERAJAAN YANG BERTUJUAN MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT TERMASUK UMAT ISLAM.

INI ADALAH USAHA UNTUK KEBAIKAN YANG SELARAS DENGAN PENGHIDUPAN ISLAM, KATANYA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA PEMBANGUNAN TENTU DAPAT MEMBERI PELUANG YANG LEBIH KEPADA UMAT ISLAM UNTUK MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB IBADAH DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ANGGOTA MASYARAKAT.

BELIAU MENINGATKAN, DALAM MENEGAKKAN PRINSIP-PRINSIP KEISLAMAN, UMAT ISLAM HENDAKLAH BERHATI-HATI SUPAYA SISTEM PENDIDIKAN DI SEKOLAH DAN DALAM KELUARGA MENYOKONG NILAI-NILAI ISLAM KERANA SOAL NILAI MEMPUYAI KAITAN RAPAT DENGAN PENDIDIKAN. — BERSAMBUNG 1032/ZCM

D516:
MAHATHIR-ISLAM 5 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN YANG SEDIA ADA DI NEGARA INI SEMEMANGNYA SUDAH TERDAPAT CIRI-CIRI YANG SESUAI DENGAN KEHENDAK PEMBANGUNAN SEPADU UMAT ISLAM.

HANYA YANG PERLU IALAH MEMPERTINGKATKAN USAHA-USAHA ITU DAN UNTUK INI TOKOH-TOKOH AGAMA MESTILAH BERANI BUKAN SAHAJA MENKRITIK KELEMAHAN-KELEMAHAN DALAM SISTEM YANG ADA MALAHAN BERANI MENGEMUKAKAN SARANAN GANTIAN YANG JELAS, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN MEMANDANGKAN SOAL AGAMA BEGITU PENTING DALAM MASYARAKAT MALAYSIA, PANDANGAN DARI PAKAR-PAKAR DALAM HAL EHWAL AGAMA MUNGKIN PERLU UNTUK MEMUTUSKAN PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN.

KATA BELIAU PAKAR-PAKAR RUNDINGAN DALAM BIDANG KEAGAMAAN MUNGKIN BOLEH DITEMPATKAN UNTUK MEMBERI NASIHAT BERTERLUSAN KE ATAS USAHA PEMBANGUNAN OLEH KERAJAAN.

SEMINAR TIGA HARI ITU DISERTAI OLEH LEBIH 200 ORANG PARA KETUA SETIAUSAHA DAN KETUA PENGARAH KEMENTERIAN-KEMENTERIAN, PARA YANG DIPERTUA MAJLIS HAL EHWAL AGAMA, MUFTI DAN AHLI PROFESYENAL. — BERNAMA 1035/ZCM